قليتا بروني

# Pelita Brunei

AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 49 | RABU 5 DISEMBER, 1984. | رابو 11 ربيع‌الاول 1405 | PERCUMA

## KERAJAAN NAFI LAPORAN MENGELIRUKAN

SATU kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri yang menjawab kepada laporan akhbar Borneo Bulletin keluaran 1 Disember dan Straits Times Singapura keluaran 30 November yang menyebutkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sebagai orang yang paling kaya di dunia dan ''kurang terkawal yang juga lebih bersifat raja'' dari kalangan 29 raja yang bertakhta di dunia, mengatakan penyifatan sedemikian adalah TIDAK BENAR dan jelas sekali berasaskan kepada sangkaan yang salah dan merosakkan dan yang demikian adalah SAMA SEKALI MENGELIRUKAN.

Pihak Kerajaan juga menjelaskan bahawa angka-angka yang disebutkan sebagai hasil tahunan pendapatan minyak Brunei serta simpanan luar negerinya adalah TIDAK TEPAT, dan pihak Kerajaan menafikan secara mutlak yang simpanan luar negeri bagi Brunei adalah di bawah pengurusan Sultan sendiri. Simpanan luar dan kumpulan wang pelaburan Negara Brunei Darussalam adalah dikawal dan diselanggarakan oleh sebuah badan yang mempunyai hak kuasa sendiri yang digelar Agensi Pelaburan Brunei dan diuruskan selain dari itu oleh beberapa institusi kewangan luar negeri menurut undang-undang bagi faedah penduduk Negara Brunei Darussalam.

Mengenai laporan yang mengatakan lampu-lampu ''chandeliers'' di istana sebagai yang terbesar di dunia dan istana tersebut mempunyai bilik yang paling banyak, laporan-laporan ini adalah TIDAK BENAR, TIDAK TEPAT DAN MENGELIRUKAN.

## *Government denies misleading reports*

REFERRING to reports in the Borneo Bulletin dated 1st. December, 1984 and the Singapore Straits Times dated 30th. November, 1984 which described His Majesty the Sultan and Yang Dipertuan as the richest man in the world and as the ''least fettered and most monarchial'' of the world's 29 remaining monarchs, the Government in a statement issued by the Prime Minister's Office has said that these descriptions are not true and appear to be based on erroneous and mischievous assumptions and therefore totally misleading.

The Government points out that the figures mentioned as Brunei's annual oil revenue and its foreign reserves are inaccurate and the Government categorically denies that the country's foreign reserves are effectually at the personal disposal of the Sultan. The Negara Brunei Darussalam foreign reserves and investment funds are controlled and maintained by an autonomous body called the Brunei Investment Agency and managed in addition by several foreign financial institutions according to law for the benefit of the people of Negara Brunei Darussalam.

With regard to the Istana which the reports alleged has the world's biggest chandeliers and has the largest number of rooms, these reports are untrue, inaccurate and misleading.



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika menerima mengadap Tuan John Monjo di Istana Nurul Iman.

## PEGAWAI TERKANAN AMERIKA SYARIKAT DITERIMA MENGADAP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Timbalan Penolong Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Tuan John Monjo di Istana Nurul Iman pada petang Khamis lepas.

Beliau diiringi oleh Duta Besar Amerika Syarikat ke negara ini, Tuan Yang Terutama Barrington King.

Berangkat sama ke istiadat tersebut ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan John Monjo adalah pegawai terkanan dalam Kerajaan Amerika Syarikat yang khusus bertanggungjawab bagi hubungan Amerika Syarikat dengan negara-negara ASEAN.

Beliau berkhidmat sebagai pegawai perkhidmatan luar negeri Amerika Syarikat sejak tahun 1957 dan pernah bertugas di Phnom Penh, Tokyo, Jakarta, Casablanca dan Seoul.

Di sebelah pagi, Tuan John Monjo melakukan kunjungan kepada Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Dato Haji Zakaria bin Dato Mahawangsa Haji Sulaiman di pejabatnya di sini. Beliau pulang keesokan harinya.

## SEMANGAT PATRIOTIK MESTI DITANAMKAN DI SANUBARI

BERAKAS. — Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin, Pengarah Penerangan, menekankan semangat patriotik atau apa jua yang disebutkan sebagai kepahlawanan mestilah ditanamkan dan sentiasa hidup dalam sanubari kita.

Yang Dimuliakan Pehin berkata, ugama kita mengajar supaya kita menyempurnakan tujuan-tujuan berugama, yakni menyempurnakan ibadat kepada Allah serta muamalat sesama manusia dalam batas-batas hukum Allah.

Tujuan tersebut sejajar dengan tujuan bernegara dan berkerajaan untuk memperolehi kesejahteraan, keamanan dan seterusnya mencapai kehidupan yang mulia serta bermaruah, yang mana merangkumi ertikata cintakan tanahair yang merupakan sebahagian daripada iman.

"Dalam makna inilah semangat patriotism atau apa jua yang disebutkan sebagai kepahlawanan, mestilah ada ditanamkan dan sentiasa hidup dalam sanubari kita," tegas Pengarah Penerangan.

Berucap di majlis Malam Ristaan Lagu-Lagu Patriotik dan Nasyid di Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada malam Sabtu lepas, Yang Dimuliakan Pehin seterusnya menegaskan bahawa orang pada zaman ini gemar dan suka menyebut patriotism dan mengaitkannya dengan semangat kebangsaan atau nasionalism.

Sehubungan dengan ini, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin berharap supaya sebutan dan kaitan sedemikian itu tidak akan mengkaburkan dan seterusnya mengalihkan perhatian kita kepada kehendak sebenar ajaran Islam.

Lihat muka 16

### MANISNYA IMAN

''DAN di antara orang-orang yang Kami jadikan itu terdapat umat yang memimpin dengan yang hak dan dengan sedemikian itu mereka berlaku adil.'' — Makna ayat 181 Surah Al-A'raf.

## MEMELIHARA ISLAM KEWAJIPAN KITA

— Tema sambutan maulud

AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

5 DISEMBER, 1984

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## TEMA MAULUD NABI: 'MEMELIHARA ISLAM KEWAJIPAN KITA'

SAMBUTAN Maulud Nabi Salallahu Alaihi Wassalam tahun ini bertemakan 'Memelihara Islam Kewajipan Kita.'

Adalah difaham tema yang sedemikian itu merupakan salah satu usaha dalam kita terus mengukuh serta mengekalkan sendi kenegaraan kita iaitulah Islam. Yang dimaksudkan ialah supaya kita pada masa ini dan generasi kita pada masa-masa yang akan datang terus-menerus menghayati ajaran Islam yang tulen dan mendapat kekuatan daripadanya yang sekali gus memperteguhkan lagi keutuhan negara kita sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja.

Memang diandaikan bahawa ugama Islam yang menjadi anutan turun-temurun sultan-sultan, pembesar-pembesar dan rakyat terbanyak negara ini sedia mempunyai musuh. Dalam pengalaman bangsa kita sendiri permusuhan terhadap Islam itu bukan lagi setakat andaian bahkan telah menjadi fakta sejarah di mana kuasa asing telah cuba menakluki Brunei setelah rajanya yang disertai pembesar-pembesar dan rakyat enggan menukarkan ugama Islam yang menjadi anutan dengan ugama lain. Sekali pun kenyataan sejarah mengenai hal ini sudah berlalu beberapa kurun dan berlaku dalam suasana kedatangan peneroka-peneroka dan juga penakluk-penakluk daripada Barat dan Eropah ke negeri-negeri di rantau kita ini yang mana suasana sedemikian itu sudah jauh berubah pada zaman ini namun adalah sangat penting untuk sentiasa diinsafi bahawa Islam yang menjadi teras kekuatan bangsa kita telah pernah digugut. Mujurlah Allah Subhanahu Wataala yang maha berkuasa telah menentukan yang negara kita akan terus mendapat kurnia nikmat Islam dalam ertikata sultan-sultannya, pembesar-pembesarnya dan sebilangan rakyatnya turun-temurun menerima cahaya iman dan serentak dengan itu mendapat coraknya yang sempurna sebagai umat yang bermaruah dengan sentiasa membela serta mempertahankan maruahnya itu di tanahairnya yang berdaulat.

Maka ertikata mempertahankan Islam itu dalam konteks sekarang ini ialah memelihara ketulenannya, terus-menerus memuliakannya, menegak serta meninggikannya syiarnya, dan berusaha mencapai matlamat pelaksanaan ajarannya bagi kebahagiaan kita di dunia dan di akhirat, bagi ketahanan negara dalam ertikata keteguhan kerajaan, keselamatan serta kesejahteraan segenap lapisan rakyat dan penduduknya. Sesungguhnya memelihara Islam untuk tujuan-tujuan tersebut dengan sendirinya merupakan kewajipan dalam kita bernegara dan berkerajaan. Dan sememangnya Allah Subhanahu Wataala telah menentukan mana-mana umat yang diberinya kesempatan berkuasa memerintah supaya mereka itu menegakkan ugama Allah bagi kesempurnaan ibadatnya dan muamalatnya dan seterusnya bagi mencapai tujuan-tujuan bernegara dan berkerajaan menurut yang diredai-Nya. Tidak syak lagi kita telah ditakdirkan menjadi umat yang sedemikian itu. Dan alhamdulillah sejauh ini kita telah berusaha menurut kadar keupayaan yang ada sambil meningkatkan usaha dan keupayaan itu. Sekalipun kita bersyukur telah dapat berbuat sesuatu bagi kepentingan Islam yang juga merupakan kepentingan negara kita keseluruhannya tetapi kita juga menginsafi sepenuhnya bahawa masih banyak yang patut dilakukan.

Dalam kita berusaha sambil terus menginsafi akan peranan selanjutnya itu maka sudah barang tentu kita berkehendakkan pengertian bahawa memelihara Islam itu bukanlah semata-mata kewajipan satu-satu pihak yang berkenaan dengan urusan Ugama, ia adalah kewajipan kita semua sebab kita keseluruhannya adalah sama-sama berkepentingan di dalamnya. Memang benar pihak-pihak berkenaan ugama itu mempunyai fungsi yang khusus dalam bidangnya tetapi hukum syarak menetapkan adalah kewajipan setiap kita memelihara ugama sama ada yang berkenaan dengan fardu 'ain dan juga fardu kifayah. Pemeliharaan sedemikian itu selain mempastikan ketulenan ajaran yang akan diamalkan, 'akidah yang difahami dan diikuti, ialah juga menyempurnakan tuntutan-tuntutan ugama dari segi suruhan dan tegahan yang mana serentak dengan itu akan menentukan ketaatan kita kepada perintah-perintah Allah dan rasul-Nya dan juga ketaatan kepada perintah-perintah raja (kerajaan) dalam ertikata Ulil Amri yang kita dikehendaki mentaatinya dalam perkara-perkara yang bukan maksiat menderhakai Allah Taala.

Kita percaya pengertian yang sedemikian akan sentiasa ditanam dan dikembangkan. Dan ke arah itu kita hendaknya akan sentiasa teguh serta padu di bawah kepimpinan yang bijaksana lagi salih Sultan dan Yang Dipertuan kita.

# PATRIOTIK ISLAM MEMPERTAHANKAN KEMULIAAN UGAMA



### MUQADDIMAH

BERIKUT ialah ucapan penuh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Pengarah Penerangan Brunei dalam majlis Malam Ristaan lagu-lagu Patriotik dan Nasyid sempena Hari Kemerdekaan yang diadakan di Kafteria Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada 24 November, 1984.

TERLEBIH dahulu saya sukacita mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa penganjur majlis ini kerana penghormatan yang diberikan bagi saya berucap.

Sesungguhnya usaha yang dilakukan dalam rangka persiapan menyambut kemerdekaan tempuh hari merupakan suatu usaha besar yang melibatkan segenap lapisan tenaga di dalam dan di luar Kerajaan. Ia digerakkan dengan semangat bermuafakat di mana di peringkat orang-orang yang terlibat dalam persiapan sambutan hari yang bersejarah itu dari awal-awal lagi mengambil kira akan kepentingan menyemarakkan sambutan segenap lapisan rakyat dan penduduk terhadap kemerdekaan dan seterusnya menarik sebanyak yang mungkin penglibatan mereka di dalamnya.

### BOLEH DITEROKA

Jawatankuasa Penyiaran dan Penerangan Sambutan Hari Kemerdekaan dan seterusnya Hari Kebangsaan telah mengenal pasti bidang-bidang yang boleh diteroka bagi menggembling sambutan segenap lapisan rakyat terhadap kemerdekaan itu. Lebih dari itu ialah pemikiran juga telah ditumpukan kepada usaha dan cara merangsang, menyemarakkan dan seterusnya menanamkan semangat serta kesedaran akan makna kemerdekaan dalam konteksnya yang khusus dengan status negara ini, sambil mengketarakan lagi unsur-unsur identiti yang dominan iaitulah corak dan isi tanahair kita yang kemudiannya telah tersimpul dalam suatu rumusan kata-kata yang berhikmat iaitu Negara Melayu Islam Beraja. Dalam hubungan inilah salah satu usaha yang sangat berperanan ialah menghasilkan lagu-lagu patriotik/nasyid yang telah diungkayahkan oleh jawatankuasa kecilnya di bawah Jawatankuasa Penyiaran dan Penerangan.

Sesungguhnya jawatankuasa kecil yang berkenaan itu adalah merupakan salah satu komponan yang aktif secara berkesan dalam bidang-bidang yang dikenal pasti oleh Jawatankuasa Penyiaran dan Penerangan. Tidak payahlah saya mensenaraikan lagu-lagu yang dihasilkan serta nama-nama pencipta, penyusun, penggubah dan bahkan juga nama-nama penulis senikata atau lyrik yang telah berjaya ditampilkan dalam suatu barisan tenaga yang memberi sumbangan dalam bidang yang mereka berkebolehan. Akan tetapi saya merasa berkewajipan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka semua sebagaimana juga kepada pengerusi, setiausaha dan ahli-ahli Jawatankuasa Kecil Lagu-Lagu Patriotik/Nasyid. Sesungguhnya khidmat yang telah disumbangkan itu bukan sahaja merupakan khidmat dalam menyambut kemerdekaan dan seterusnya Hari Kebangsaan bahkan yang lebih penting lagi ia menjadi sumbangan yang sangat bererti kepada kemerdekaan itu sendiri. Mudah-mudahanlah khidmat bakti yang telah disumbangkan dengan ikhlas bagi kebajikan serta manfaat bangsa kita yang taat berugama dan beraja, bagi negara kita yang mensyiarkan ugama Allah dalam kedaulatannya akan mendapat berkat serta ganjaran yang mulia di sisi Allah dan di sisi manusia.

### SEMANGAT PATRIOTISM

Cintakan tanahair adalah sebahagian daripada iman. Dalam ertikata ini, ugama kita mengajarkan supaya kita menegakkan kerajaan yang berdaulat bagi menyempurnakan tujuan-tujuan berugama, yakni menyempurnakan ibadat kepada Allah serta muamalat sesama manusia dalam batas-batas hukum Allah. Tujuan tersebut adalah diikuti dengan tujuan bernegara dan berkerajaan bagi memperolehi kesejahteraan, keamanan dan seterusnya mencapai kehidupan yang mulia serta bermaruah selaku makhluk Allah yang mulia dan khalifahnya di bumi. Dalam makna inilah semangat patriotism atau apa jua yang disebutkan sebagai kepahlawanan, mestilah ada ditanamkan dan sentiasa hidup dalam sanubari kita.

Orang pada zaman ini gemar dan suka menyebut patriotism itu dan mengaitkannya dengan semangat kebangsaan atau nasionalism. Sebutan dan kaitan yang sedemikian itu hendaklah tidak akan mengkaburkan dan seterusnya mengalihkan perhatian kita kepada kehendak sebenar ajaran Islam yang mahukan umatnya menjadi umat patriotik pada mempertahankan kemuliaan ugamanya, kewarasan akalnya, keselamatan dan kesejahteraan jiwa raganya, kemurniaan atau kesucian keturunannya, dan ketinggian maruahnya, menurut sebagaimana yang dikehendaki oleh hukum Allah yang sudah barang setentunya berasaskan keadilan serta menolak sama sekali kezaliman ke atas sesama manusia dan bahkan juga ke atas makhluk-makhluk Allah yang lainnya. Patriotism yang dikehendaki oleh Allah sedemikian itu tidaklah sempit. Ia mempunyai ruang-ruang yang luas dan cukup bagi merangkumi berbagai-bagai kepentingan dan hajat manusia yang menjadi khalifah di bumi.

Dengan yang demikian patriotism Islam itu memanglah menolak faham taasub atau fanatik kebangsaan yang sempit, yang terhad dalam cara dan matlamatnya. Faham dan semangat nationalism menurut yang popular dalam sejarah bangsa-bangsa sekalipun setengahnya ternyata berkesan dalam perjuangan menentang penindasan dan penjajahan asing tetapi akhirnya sukar dikawal daripada dipergunakan untuk memusuhi sesama manusia yang berlainan bangsa dan kepercayaan, sukar dikawal daripada menjadi alat menceroboh, menindas dan seterusnya menjajah bangsa-bangsa yang lemah.

### PERANG KASTILA

Dalam konteks negara dan bangsa kita sejarah kita bukan sahaja mencatatkan babak-babak yang patriotik bahkan juga memperkenalkan patriotism yang dikehendaki oleh Allah. Perang Kastila adalah bukti yang paling nyata mengenai hal ini. Dan lebih penting lagi untuk di sebutkan ialah kerajaan secara pemerintahan Melayu iaitu Raja-raja Melayu Islam telah berhasil mempertahankan dirinya sekalipun berubah daripada sebuah empayar yang besar tinggal cuma menjadi sebuah kerajaan yang terlingkung dalam batas wilayah yang kecil namun dapat diyakini bahawa apa yang tinggal itu ialah hasil dan berkat semangat dan keinsafan bagi menolak bukan sahaja penaklukan wilayah oleh kuasa asing bahkan juga percubaan menakluk dan menukarkan akidah yang turun-temurun iaitulah Islam.

### TERJERUMUS

Unsur ini sangat penting dan kepentingannya itu lebih-lebih lagi dirasakan pada saat-saat menjelang pencapaian semula kemerdekaan tempoh hari di mana berbagai-bagai tanggapan, berbagai-bagai andaian dan berbagai-bagai jangkaan terdapat di kalangan sebilangan rakyat dan penduduk. Jika kurang hemat, dan jika silap langkah dalam keghairahan untuk merdeka semula itu kita akan terjerumus ke dalam suatu perangkap yang kita tidak melihatnya semata-mata kerana kita ghairah dengan semangat dan faham kemerdekaan sebagaimana bangsa-bangsa lain yang merdeka yang kebanyakannya mendapati dirinya mencapai kemerdekaan politik tetapi kehilangan isi dan coraknya yang sebenar. Dalam keghairahan untuk maju dan mengketengahkan diri menjadi anggota masyarakat antarabangsa ada bangsa yang merdeka terus-menerus hanyut dalam pergolakan antarabangsa. Tetapi lain halnya dengan kita, berkat hemat yang tinggi dalam kepimpinan negara dan Kerajaan, kita telah melangkah ke arah era kemerdekaan dengan berhati-hati sehingga membolehkan kita mengenal pasti diri kita yang sebenar sebagai satu bangsa, satu umat yang mempunyai teras dan teras itu telah dipertahankan turun-temurun sehingga tidak ada sebab bagi kita di zaman pencapaian semula kemerdekaan ini untuk tidak mempertahankannya.

Alhamdulillah, setakat yang sudah nampak, kita sesungguhnya menghargai

Lihat muka 16

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS....Siri ke-254

# TANDA-TANDA KECIL HARI KIAMAT

## (Sambungan)



**19) Meratakan Gunung-Gunung:**

Firman Allah: (Surah At-Takwir ayat 3)

*"Apabila gunung-gunung itu diratakan dan itu akan berlaku sebelum kiamat."*

Al-Imam Ahmad telah meriwayatkan dalam Al-Musnad dari Hadis Samurah bin Jundab ia telah menyebutkan suatu Hadis daripada Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam dalam perkara sembahyang gerhana matahari dan khutbah gerhana dan dalam Hadis ini tersebut sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam:

Ertinya: *"Demi Allah saya telah melihat semenjak saya berdiri sembahyang tadi, akan perkara-perkara yang kamu akan jumpai dari perkara dunia kamu dan ugama kamu, demi Allah hari kiamat tiada bangkit sehingga keluar 30 orang dajal pendusta, akhir dajal pendusta itu ialah dajal besar yang buta matanya sebelah."*

Nabi Salallahu Alaihi Wassalam menyebutkan peperangan umat Islam dengan Yahudi di tanah Pelastin yang dajal itu bersama-sama Yahudi, kemudian Nabi bersabda:

Ertinya: *"Tiada berlaku yang demikian itu (orang Islam berperang dengan Yahudi yang bersama-sama dajal itu) sehingga kamu lihat sebelum itu perkara-perkara yang tiada teratur dan tiada diterima oleh kamu, dan kamu bertanya di antara kamu adakah Nabi kamu telah menyatakan kepada kamu perkara-perkara itu, sehingga gunung-gunung itu hilang rata dari tempat-tempatnya, ketika itu akan berlaku kiamat dan mati manusia."*

Menurut riwayat yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Imam Al-Bazzar dan At-Tabarani dengan lafaz:

Ertinya: *"Tiada akan bangkit kiamat itu sehingga kamu lihat perkara-perkara yang besar, yang tiada kamu lihat sebelum itu, sehingga kamu lihat gunung-gunung itu hilang dari tempat-tempatnya."*

Hadis ini memberi isyarat bahawa bukit-bukit, gunung-gunung akan diratakan kerana mengatur dan membuat jalan-jalan motokar dan lorong-lorong jalan keretapi dan kerana meluaskan jalan-jalan dan pinggir-pinggir kota. Kita lihat gunung Safa batu yang keras di Mekah telah diruntuhkan sebahagian daripadanya, dan beberapa gunung-gunung batu dalam Kota Mekah telah diruntuhkan kerana meluaskan jalan dan melegakan pinggir-pinggir kota Mekah Al-Mukaramah sebagaimana saya lihat di Kota Mekah dalam masa di antara akhir-akhir Februari dan Mac tahun 1976. Zaman peperangan Hitler di tanah Greek, orang-orang Jerman telah meruntuhkan gunung-gunung batu bagi memudahkan perjalanan kapal-kapal perang mereka menyerang musuh dan sebagainya. Di Singapura dan di Malaya (Malaysia) dan lain-lain tempat dalam dunia ini gunung-gunung dan bukit-bukit diruntuh bagi menimbus paya dan laut."

Gunung-gunung dan bukit terus-menerus diruntuhkan sehingga turun Nabi Isa Alaihis Salam sebelum berlaku hari kiamat. Adapun gunung-gunung akan diratakan sehingga menjadi seperti kabu-kabu (kekabu) yang ditiup angin itu akan berlaku setelah bangkit kiamat nanti seperti yang tersebut dalam Firman Allah (Surah Taha ayat 105).

Tafsirannya: *"Mereka bertanya akan kamu ya Rasulullah akan gunung-gunung pada hari kiamat, maka kamu katakan Tuhan saya akan menghancurkan dan menjadikan ia seperti pasir yang mengalir di tiup angin."*

**20) Bintang-Bintang Kusam (gelap)**

Firman Allah: (Surah At-Takwir ayat 2).

Tafsirannya: *"Apabila bintang-bintang itu gelap (dari Al-Baidhawi) menurut dari perkataan sahabat-sahabat dan lain-lain bahawa gelap dan kusam bintang-bintang itu akan berlaku sebelum bangkit kiamat."*

Eritnya: Bintang-bintang itu kusam cahayanya atau hilang cahayanya dengan sebab ada cahaya letrik dan orang-orang menggunakan di jalan-jalan dan dalam pelayaran, menyuluh gelap-gelita malam hari dalam pelayaran, dengan tiada menggunakan cahaya bintang sebagaimana mereka menggunakan cahaya bintang dalam pelayaran pada zaman-zaman dahulù. Cahaya letrik itu mengatasi cahaya bintang nampak benar di Kota Mekah dan Jeddah dan jalan-jalan antara Mekah dan Al-Madinah dan dalam Al-Madinatul Munawarah. Begitu juga di bandar-bandar dan tempat-tempat yang disinari cahaya letrik di dalam dunia ini.

WALLAHUAKLAM

(Bersambung)

# LEBIH 35 RIBU AKAN SERTAI PERHIMPUNAN RAKSASA ESOK

**SALAWAT dan salam kepada Rasul Junjungan Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam akan berkumandang lagi menggemai seluruh negara dalam upacara yang gemilang menyambut kedatangan Mauludun Nabi yang akan diadakan serentak di semua daerah esok.**

Acara kemuncak di Bandar Seri Begawan akan berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien di mana lebih 35 ribu umat Islam akan menyertai perhimpunan tersebut yang terdiri dari lebih 130 pasukan yang juga akan berarak mengelilingi ibu negara mulai jam 7.30 pagi esok.

Beberapa orang pegawai kanan Kerajaan akan menjadi tetamu kehormat dalam acara sambutan di semua daerah.

Selain dari bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, salawat dan salam kepada Nabi dan ucapan-ucapan, syarahan khas juga akan disampaikan oleh pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dalam acara sambutan tersebut.

Tema sambutan Mauludun Nabi tahun ini ialah MEMELIHARA ISLAM KEWAJIPAN KITA. Maksud dan objektif tema tersebut dijangka akan dihuraikan dalam syarahan-syarahan khas itu nanti.

Di ibu negara beberapa batang jalan raya akan ditutup untuk melicinkan perjalanan perarakan itu.

Acara sambutan Maulud Nabi tahun ini telah bermula sejak 1 Rabiul Awal lepas dengan majlis-majlis berzikir di masjid-masjid dan surau-surau setiap malam. Tetapi acara-acara keugamaan sempena menyambut Mauludun Nabi itu akan terus diadakan dalam majlis-majlis yang lain.



**AWANG Ibrahim bin Haji Mohd. Tinggal, Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam ketika menyerahkan wang bantuan tersebut.**

# TERIMA BANTUAN DARI MUIB

MAJLIS Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam pada 29 November lepas telah memberikan bantuan wang sebanyak $1,600.00 untuk menampung perbelanjaan penyambungan api letrik ke rumah Pengiran Bungsu binti Pengiran Buntar, Kampong Mulaut Brunei Darussalam.

Wang bantuan tersebut diambil dari peruntukan Kumpulan Wang Zakat dan Fitrah.

Bantuan wang tersebut diserahkan oleh Awang Ibrahim bin Haji Mohd. Tinggal, Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam dengan disaksikan oleh Pengiran Haji Tuah bin Pengiran Haji Muhammad, Pengelola Baitulmal Zakat dan Fitrah, serta Awang Haji Rasit bin Haji Bandul, Ketua Kampong Mulaut, (lihat gambar).

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

## 5 Disember — 11 Disember 1984

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Limau Manis | 5.12.1984 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Pangkalan Batu | 5.12.1984 | Rabu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 5.12.1984 | Rabu | 11.00–12.00 t/hari |
| Di hadapan Rumah Guru Kampong Kupang | 5.12.1984 | Rabu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Jerudong | 8.12.1984 | Sabtu | 8.30– 9.30 pagi |
| Pusat Tahanan Jerudong | 8.12.1984 | Sabtu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Sengkurong | 8.12.1984 | Sabtu | 11.00–12.00 t/hari |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 8.12.1984 | Sabtu | 2.30– 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas | 8.12.1984 | Sabtu | 3.15– 4.15 ,, |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut | 8.12.1984 | Sabtu | 4.30– 5.30 ,, |
| Di hadapan Rumah Penghulu Mukim Serasa | 9.12.1984 | Ahad | 9.00–10.00 pagi |
| Di kawasan Rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara | 9.12.1984 | Ahad | 10.15–11.15 ,, |
| Di hadapan Kedai Pekan Muara. | 9.12.1984 | Ahad | 11.30–12.00 t/hari |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah) | 10.12.1984 | Isnin | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Ugama Kampong Perpindahan, Berakas | 10.12.1984 | Isnin | 3.30– 4.30 ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 11.12.1984 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Dato Mahawangsa Lambak | 11.12.1984 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 5 Disember, 1984 hingga ke hari Selasa 11 Disember, 1984 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| 5 | 12.15 | 3.33 | 3.34 | 6.11 | 6.12 | 7.25 | 7.26 | 4.55 | 4.41 | 4.56 | 6.13 | 6.14 |
| 6–10 | 12.18 | 3.35 | 3.36 | 6.12 | 6.13 | 7.27 | 7.28 | 4.58 | 4.44 | 4.59 | 6.16 | 6.17 |
| 11 | 12.20 | 3.38 | 3.39 | 6.15 | 6.16 | 7 29 | 7.30 | 5.00 | 4.46 | 5.01 | 6.18 | 6.19 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.



SALAH seorang dari tiga pegawai-pegawai tersebut Awang Mohamad bin Selamat sedang menerima sijilnya yang disampaikan oleh T.Y.T Pesuruhjaya Tinggi Brunei ke United Kingdom Y.A.M. Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pg. Haji Rajid.

# TIGA PEGAWAI PEROLEHI DIPLOMA PENGURUSAN KESELAMATAN

**SERAMAI tiga orang pegawai keselamatan telah kembali ke tanahair setelah mengikuti kursus di London selama sepuluh minggu baru-baru ini.**

**Ketiga-tiga pegawai tersebut, Awang Suhaily Dagong, Awang Mohamada Selamat dan Pengiran Mohammad Sabri bin Pengiran Haji Omar adalah di antara seramai dua puluh orang pegawai keselamatan dari seluruh dunia yang telah ditauliahkan Diploma dalam mentadbir keselamatan oleh penganjur kursus tersebut, Majlis Keselamatan British di satu perjumpaan akhir bulan lepas.**

Para peserta — yang mana di antara mereka mempunyai tanggungjawab terhadap keselamatan bagi lebih dari 100,000 orang pekerja menjalani masa latihan mereka di kapal latihan majlis itu, St. Katharine untuk mempelajari teknik-teknik mentadbir pengurusan keselamatan peringkat atasan.

Setiausaha Luar British Sir Geoffrey Howe telah menghantar utusan istimewa kepada para peserta sewaktu perjumpaan di London di mana beliau telah menyuarakan hasrat agar peserta-peserta ini tidak hanya menikmati masa tinggal mereka di sana, tetapi untuk melaksanakan apa yang mereka pelajari dengan baik apabila mereka pulang ke negeri mereka masing-masing.

Para diplomat kanan di London juga hadir bagi membuat kebanyakan penyampaian-penyampaian sijil kepada peserta-peserta dari negara mereka sendiri. Berterimakasih dan mengucapkan tahniah kepada para peserta yang telah berjaya, Awang James Tye, Pengarah Umum dari Majlis Keselamatan British, berkata.

"Jika kamu berpandu kepada pengalaman kamu yang silam, dan saya yakin bahawa kamu kemudian nanti akan mengurangkan jumlah kemalangan di syarikat-syarikat kamu. kemalangan-kemalangan ke atas bangunan-bangunan loji serta orang-orang mencapai 50 peratus semasa tahun 1985. Usaha menyelamatkan majikan-majikan kamu dan ekonomi negara-negara kamu akan mengalirkan kepada ratusan ribu wang sterling selain dari kepuasan sepenuhnya yang kamu telah diketahui membenteras penderitaan kebanyakan manusia."

Wajar juga disebut di antara tiga orang pegawai dari Shell Brunei ialah Awang Mohammad Selamat. Tidak seperti dua orang rakannya yang lain, Mohamad tidak pernah mengikuti sebarang kursus di luar negeri sebelum ini. Beliau terpaksa bekerja keras untuk lulus dipeperiksaan rumit yang dikeluarkan oleh dewan ini di penghujung kursus tersebut.



# Peserta TEAME terima sijil

PENYAMPAIAN Sijil diakhir kursus bagi 36 orang pekerja dewasa Shell Brunei telah berlangsung pada hari Jumaat 9 November lepas.

Pekerja-pekerja tersebut adalah kumpulan pertama yang mengikuti rancangan TEAME (Training Exercise Aimed at Mature Employees) dikendalikan oleh Jabatan Perkembangan Kakitangan.

Kursus selama lapan minggu ini diadakan di Pusat Latihan Syarikat di Seria. Penyampaian ini dilakukan oleh Ken Prior, PM dan turut hadir termasuk Mat Suny Haji Md Hussein, bakal Pengurus Kakitangan, Robert Hill, Ketua Perkembangan Kakitangan dan juga para penyelia selain dari mereka yang menerima sijil-sijil di upacara itu.

Raul Mirasol, Ketua Latihan Perkembangan, berkata bahawa program ini membantu para peserta supaya memperolehi pengetahuan dan penerangan di kebanyakan mata pelajaran Inggeris, Ilmu Hisab, Kaji Bumi, Operasi-operasi Penggalian, Kejuruteraan Pembangunan, Komputer dan banyak lagi.

Beliau menambah, " Kami juga membincangkan tentang pentingnya mempelajari bagaimana hendak meneruskan pelajaran. Jika awda ingat, saya pernah menulis satu ulasan di papan tulis di mana berbunyi bahawa orang-orang yang tidak berpengetahuan dalam tahun 2000 adalah mereka yang bukan tidak tahu membaca atau menulis, mereka adalah orang-orang yang tidak belajar dan mengulang pelajaran mereka. Kebanyakan kamu telah menyatakan rasa kehampaan kerana TEAME bagi kamu kini berakhir. Sementara rancangan selama lapan minggu ini kini sudah berakhir, saya ingin memikirkan bahawa ianya tidak bererti mengakhiri kemahuan kamu untuk terus belajar."




SATU percubaan cara menggunakan perahu getah bagi operasi menyelamat telah dijalankan oleh syarikat baru-baru ini.

Pertunjukan tersebut telah diadakan pada hari selasa, 13 November di tanah luak di Anduki dan turut hadir menyaksikan percubaan ini ialah Arie Van Haren, SM, kakitangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei serta kakitangan-kakitangan kanan syarikat, yang lain.

'Beaufort Dinghy' yang boleh memuat seramai 15 orang penumpang ini dicipta untuk dicampakkan di mana-mana tempat berlaku operasi menyelamat di laut atau di sungai. Ianya mempunyai keupayaan dicampakkan dari pesawat udara dengan masih berkembang penuh.

Sebuah helikopter SAV mencampakkan perahu getah ini dari lima puluh kaki dan kesemuanya berjalan dengan baik.



PEKERJA-pekerja yang telah berjaya menamatkan kursus TEAME dengan sijil masing-masing.

# PENGUJI TELAGA DIUBAH

PENYELIAAN kerja yang baik serta kerjasama yang erat di antara kakitangan Bengkel Perkhidmatan Darat (SES/341/342/343) telah membuahkan hasil yang baik terhadap satu tugas yang mustahak yang telah dibebankan kepada mereka baru-baru ini.

Kesemua mereka telah diminta untuk membuat satu kerja yang mustahak terhadap Modul Satelit Penguji Telaga IV (Satelite Well Test Module IV) yang boleh membantu bagi menahan 'blow out' terhadap projek Iron Duke.

Tugas ini mengkehendaki mereka membuat perubahan terhadap modul tersebut terutama sekali terhadap perjalanan paipnya, rangka serta alat-alat yang lain. Tugas tersebut telah dapat mereka laksanakan tepat pada waktunya. Oleh kerana masalah tersebut difikirkan akan terjadi, modul itu kini akan digunakan bagi menguji tekungan minyak.

# rtb/Intisari minggu ini

## Pertandingan Aslirama 1984 peringkat separuh akhir ke-3

MINGGU ini merupakan minggu ketiga Pertandingan Bintang Aslirama 1984, di mana lapan orang lagi peserta akan ditampilkan untuk merebut 10 tempat ke peringkat akhir yang akan disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Brunei pada 29 Disember, 1984 depan. Mereka itu terdiri dari :—

Suhaili Haji Moktal, Isa Haji Tuah, Dk Jamilah Pg Haji Metarsat, Serudin Kambar, Haji Zaini Haji Abdul Rahman, Masni Ali, Haji Abu Bakar Paun, Haji Ismail Haji Rendah.

Jangan lupa mengikuti Pertandingan Bintang Aslirama 1984 Peringkat Separuh Akhir Ketiga pada hari Sabtu 8 Disember, 1984 mulai jam 9.40 malam.


Haji Ismail Haji Rendah


Suhaili Haji Moktal


Dk Jamilah Pg Haji Metarsat


Isa Haji Tuah


Serudin Kambar


Haji Abu Bakar Paun


Masni Ali

## Radio Minggu Ini :

# BAHASA MELAYU DI RADIO

HINGGA pada saat ini 25 tahunlah sudah penggunaan Bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam. Seperti yang sama-sama kita semua maklumi, Bahasa Melayu merupakan .salah satu perkara penting yang dimaktubkan di dalam Perlembagaan Negeri Brunei Tahun 1959 yang digariskan dalam Bab 82 ( 1 ). Jadi, Bahasa Melayu selepas tahun 1959 secara sah diisytiharkan sebagai bahasa Perlembagaan di samping sebagai bahasa rasmi negara. Setiap yang mengingkari perlaksanaannya bererti samalah juga seperti menentang undang-undang dasar yang tercatat di dalam Perlembagaan tersebut.

Dalam soal Bahasa Melayu itu ada pula sebahagian di antara kita di negara ini bertanya, sejauh manakah penggunaan Bahasa Melayu itu setakat ini? Hingga sampai ke manakah sudah kejayaannya? Bagaimanakah keupayaan Bahasa Melayu di dalam pentadbiran awam, di lapangan pelajaran, di bidang perniagaan, dan sebagainya. Pertanyaan itu kebanyakannya mengandungi soal-soal negatif dan pesimis tentang keupayaan bahasa sendiri.

Bahkan, hingga pada hari ini ada yang masih meragui keupayaan Bahasa Melayu itu di dalam aspek kehidupan dan pekerjaan di negara ini, meskipun pemerintahan Negara Brunei Darussalam sudah 100 peratus merdeka dan berdaulat.

Berbalik lagi dengan konteks penggunaan Bahasa Melayu seperti yang dinyatakan di atas tadi, sebenarnya pemakaian Bahasa Melayu di negara kita ini telah lama wujud dan diamalkan. Media-media cetak yang diterbitkan di negara ini pada awal tahun 1950-an dulu, kebanyakannya menggunakan Bahasa Melayu. Media siaran pula (Radio Brunei) yang ditubuhkan dalam tahun 1957 dulu menggunakan Bahasa Melayu di sepanjang pemancarannya di udara (dua tahun sebelum lahirnya Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei 1959).

Di samping itu, dalam perkhidmatan Bahasa China di Radio Brunei juga disediakan ruangan mempelajari 'Bahasa Melayu.' Rancangan itu diadakan ialah untuk menolong dan membimbing masyarakat Cina di negara ini mempelajari dan memahami penggunaan Bahasa Melayu yang betul. Hingga ke hari ini ruangan mempelajari 'Bahasa Melayu' di radio bahagian perkhidmatan Cina masih diteruskan lagi. Hanya terpulanglah lagi kepada pendengarnya sama ada mahu mengambil kira ataupun tidak tentang pelajaran 'Bahasa Melayu' di radio itu. Jadi, Radio Brunei bolehlah dianggap sebagai media siaran Kerajaan yang mempunyai fungsi luas, di samping fungsi utamanya sebagai sebaran am Kerajaan iaitu menyiarkan projek-projek pembangunan Kerajaan, menyampaikan maklumat-maklumat Kerajaan kepada orang ramai dan sebagainya.

Dalam menyebarkan Bahasa Melayu sememangnya secara amali Radio Brunei telah melaksanakan tanggungjawabnya lebih dari suku abad sudah. Sebelum lagi adanya Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei didirikan di negara ini, Radio Brunei sudah menaikkan darjat Bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam ini. Di corong Radio Bruneilah ahli-ahli Bahasa Melayu dari dalam dan luar negeri berbicara tentang nilai ketinggian dan kepentingan Bahasa Melayu di rantau Asia Tenggara ini dan dunia antarabangsa umumnya.

Radio Brunei sepanjang usianya juga banyak mengasuh dan menampilkan penulis-penulis baru dan penulis-penulis lama yang terkemuka di bidang penulisan kreatif seperti cerpen, drama, sajak dan esei sastera. Semua itu sebagai khazanah negara di bidang bahasa dan sastera Melayu kita.

Tentang persoalan Bahasa Melayu ini pula kita tidaklah juga terlepas dari istilah 'pencemaran bahasa.' Apa yang dimaksudkan dalam istilah itu ialah kita sewenang-wenangnya menggunakan perkataan-perkataan dalam ayat Bahasa Melayu, sedangkan perkataan-perkataan tersebut terdapat di dalam istilah Bahasa Melayu. Atau, mungkin barangkali kita membuat ayat yang salah dari segi jalan Bahasa Melayunya. Umpamanya, ayat itu mirip kepada jalan bahasa pasar, yang biasa kita dengar dari penuturan-penuturan, orang Cina India ataupun orang putih. Hal seumpama ini kadang-kadang dapat didengar dari 'juruhebah' radio kita sendiri. Mungkin juga agaknya tersasul! Tetapi walau bagaimanapun, menegur sesama sendiri itu adalah baik. Radio itu mewakili pemikiran masyarakat kita. Kalau tidak dikorek, masakan hidung tidak bersin!

Radio Brunei juga dipuji oleh kerana memberikan sumbangan di dalam menyebarkan Bahasa Melayu secara tidak langsung. Tetapi ia akan dikeji serendah-rendahnya sekiranya banyak membuat kesalahan di dalam Bahasa Melayu sehingga mencemarkan bahasa.

## Sandiwara radio:

# TERLIBAT

SANDIWARA yang berjudul "TERLIBAT" serba-sedikit akan membongkar keg.atan tidak sihat anak-anak muda zaman sekarang setelah merasakan dirinya gagal untuk mendapatkan kasih sayang dari orang tuanya. Sandiwara ini adalah tulisan Zainorin Isma, Brunei.

Risal tidak begitu mengindahkan pelajarannya setelah f.kirannya terganggu disebabkan oleh apa yang dipanggilnya sebagai masalah keluarga. Punca masalah itu sebenarnya bermula dari kesibukan kedua orang tuanya di luar rumah yang lama kelamaan menyebabkan semakin menebalnya perasaan sunyi dan bosan pada diri Risal.

Di saat-saat kesunyiannya, Risal sangat memerlukan seseorang untuk menemaninya. Tepat pada waktu yang diharapkannya, temannya Iwan datang yang kononnya untuk meredakan masalah yang dihadapi oleh Risal selama ini.

Sejak bergaul rapat dengan Iwan, Risal sering keluar rumah hingga jauh-jauh malam. Pergaulannya di luar rumah itu sangat berkesan untuk mengatasi masalah yang ditanggungnya selama ini.

Ayah Risal pula sudah mulai sedar akan kelalaiannya memenuhi tanggungjawab sebagai seorang ayah terhadap anaknya. Bila hal itu dinyatakan kepada isterinya, ia masih juga berdegil t.dak mahu mengubah sikap terhadap anaknya, sedangkan anak mereka sekarang sudah mendapatkan sesuatu yang baginya sudah dapat menjadi pengganti mereka.

Apakah sebenarnya pengganti yang mujarab itu? Dengarkanlah sendiri kesimpulan cerita ini melalui siaran Sandiwara Radio pada 9 Disember, 1984 jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Zainab Haji Mohd. Taha.

## Tetamu Radio:

MINGGU ini tetamu radio akan dimuatkan dengan temubual Haji Bahmin Haji Hamdan bersama dengan bintang filem terkenal Herman Felani, kepada peminatnya bersedialah di sisi radio di mana siarannya akan ke udara pada hari Ahad jam 5.00 petang sementara ulangannya pada hari Khamis jam 2.00 petang. Rancangan terbitan Salmah Haji Abdul Rahman.

## Resipi Minggu Ini:

# Laman Sari Lapis

BAHAN-BAHANNYA :—

5 biji telur ayam
1 mangkuk kacang hijau yang telah menjadi tepung
1 kati gula melaka (masak dengan buah pelaga)
Jintan kasar, daun pandan dan satu mangkuk air.
1 biji kelapa (ambil dua mangkuk sedang)
Santan dan sedikit air måwar.

BAHAN-BAHAN LAPIS ATAS :—

8 biji telur ayam
1 mangkuk sedang tepung gandum
½ kati gula pasir
2 biji kelapa ambil dua mangkuk santan pekat
sedikit air mawar dan warna kuning.

CARA MEMBUAT LAPIS PERTAMA :—

Tepung kacang dicampur dengan santan dan gula melaka yang sudah dimasak tadi. Kacau telur dan campurkan dalam adunan kacang tadi, taruh air mawar, kacau lagi dan tapis masukkan di dalam kukusan sambil dikacau hingga pekat. Barulah boleh ditutup. Kukus hingga masak. Barulah tuangkan lapis atasnya.

CARA MEMBUAT LAPIS ATASNYA :—

Telur dan gula dikacau rata-rata taruhkan tepung sedikit-sedikit, tuangkan santan pekat, air mawar dan warna kuning. Kacau lagi hingga rata kemudian tuangkan di atas adunan pertama tadi dan kukus sampai masak dan sejukkan barulah boleh dipotong.


DALAM keluaran minggu ini rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar akan diisikan oleh Dk Norsalam binti Pg Abdullah beralamat No. 106 Kampong Tasek Meradun, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Dk. Norsalam akan bersama awda pada hari Selasa 11 Disember jam 4.00 petang.

POLIS DIRAJA BRUNEI

# KERJAYA POLIS

**BELIA-BELIA YANG BERKELAYAKAN AMBILLAH LANGKAH KE HADAPAN UNTUK BERKHIDMAT DEMI KESEJAHTERAAN NEGARA**



▲ PASUKAN PANJI-PANJI



◄ PASUKAN PERONDA KESELAMATAN JALAN RAYA



CAWANGAN PASUKAN SIMPANAN ►




▲ CAWANGAN POLIS LAUT

**BORANG-BORANG PERMOHONAN BOLEH DIPEROLEHI DARI MANA-MANA JUA BALAI POLIS YANG BERDEKATAN**

**ATAU**

**BERHUBUNG TERUS DENGAN PEGAWAI PENGAMBILAN DI IBU PEJABAT POLIS, GADONG**

**Tel: 23901 Sambungan 228, 229.**



◄ CAWANGAN TEKNIKAL SEMBOYAN

▼ PANCARAGAM POLIS



## TANGGAGAJI

REKRUT
$580 + $186 (elaun catuan)

MATA-MATA KELAS II
$625 hingga $695 + $100 (P. elaun)

MATA-MATA KELAS I
$650 hingga $785 + $100 (P. elaun)

KOPERAL
$730 hingga $985 + $100 (P. elaun)

SARJAN
$950 hingga $1080 + $100 (P. elaun)

# JUJUR, TIDAK MENYELEWENG PENTING DALAM PERNIAGAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Berkepercayaan, jujur, serta tidak menyeleweng semasa menjalankan perusahaan perniagaan, adalah di antara ciri-ciri penting ke arah menuju apa jua jenis perniagaan syarikat.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali berkata bahawa, ketiga-ketiga ciri tersebut amat mustahak bagi setiap ahli perniagaan dan seandainya terjadi perkara-perkara yang bertentangan dalam tiga ciri tersebut ianya akan menghancurkan harapan peniaga sendiri.

Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali yang juga Pemangku Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri menegaskan dengan adanya kepercayaan pada diri sendiri, jujur, dan tidak menyalahgunakan kuasa (menyeleweng) dalam segi urusan perniagaan, setentunya akan menaruh kepercayaan para pelanggan dan mereka yang mempunyai hubungan dengan si peniaga. Di samping itu beliau mengingatkan ahli-ahli peniaga supaya berwaspada terhadap anasir-anasir yang cuba memecah belahkan mereka.

### MENGEMBANGKAN

Berucap sebelum Kursus Pengurusan Kerjasama anjuran Jabatan Kemajuan Kerjasama pada hari Jumaat lepas dimulakan , Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali seterusnya menyeru Syarikat-syarikat Kerjasama supaya tidak terpengaruh dengan orang lain dan sebaliknya berusaha untuk mempertimbangkan perusahaan tersebut.

"Mengusahakan syarikat hendaklah bersungguh-sungguh. Bukan hanya menyuruh-nyuruh atau mengikut-ikut, kampung yang lain dengan kampung yang lain di sekitar kampung yang sudah pun mempunyai Syarikat Kerjasama tanpa meneliti seluas-luasnya sama ada mendatangkan faedah atau tidak," tegas beliau.

Dato Paduka menasihatkan apabila berjaya janganlah berlagak atau bergaya tinggi kerana kejayaan dan kejatuhan seseorang peniaga terletak di atas usaha ikhtiarnya.

### BERBAGAI CARA

Menjelaskan mengenai perniagaan, Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali selanjutnya berkata berbagai-bagai cara perniagaan pada masa ini boleh dijalankan seperti membeli barang murah dan menjualnya dengan harga yang mahal serta cara tersebut adalah salah satu cara mencari keuntungan.

Dalam pada itu beliau menjelaskan terdapat juga berbagai cara untuk menarik pelanggan membeli ke tempat mereka seperti menyediakan berbagai hadiah atau komisin kepada setiap pelanggan yang banyak membeli barangan dari syarikat mereka.

### KERTAS KERJA

Lebih dari 60 orang ahli Syarikat daripada Daerah Brunei dan Muara telah menghadirinya. Dua buah kertas kerja iaitu Prinsip-prinsip Kerjasama dan Pengurusan, telah dibentangkan pada hari itu. Sementara pada Ahad lepas sebanyak tiga kertas kerja telah dibentangkan iaitu Undang-Undang Kerjasama, Perakaunkan, dan Peranan Kerjasama Dalam Pembangunan Negara.

Kursus dua hari itu adalah bertujuan untuk memberikan sedikit fahaman dan pengetahuan terhadap pentadbiran dan pengurusan Syarikat-syarikat Kerjasama.

Selain daripada itu ianya juga dihasratkan bagi memperdalamkan lagi ilmu pengetahuan yang sedia ada pada para peserta mengenai prinsip-prinsip kerjasama, mengenalkan undang-undang dan peraturan-peraturan sebagai garis pandu berniaga dan bermasyarakat, dan memberikan pelajaran perakaunan yang betul untuk mempertinggikan lagi prestasi syarikat.

## Setiap pegawai perlu kritik diri sendiri

BERAKAS. — Setiap pegawai dan kakitangan Kerajaan perlu memiliki sikap bersedia mengeritik diri sendiri, sebagai jalan meningkatkan usaha ke arah perkhidmatan yang baik dan memperbaiki diri sendiri.

Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri merangkap Pemangku Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri berkata, sikap bersedia mengeritik diri sendiri akan memberi kesempatan kepada pegawai dan kakitangan Kerjaan menilai kembali sejauh mana mereka telah menjalankan tugas-tugas mereka dalam perkhidmatan Kerajaan.

Berucap di pembukàan rasmi seminar sehari bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Perjawatan baru-baru ini, Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali menjelaskan mereka juga seharusnya melengkapkan diri mereka dengan sifat-sifat jujur dan amanah dan menjalankan tugas-tugas, di mana perkhidmatan mereka itu diperlukan oleh masyarakat dan negara.

Sehubungan dengan itu, pegawai dan kakitangan Kerjaan juga diingatkan supaya menghindarkan diri dari sikap pilih kasih, melayan semua orang yang memerlukan bantuan dan bersifat peramah serta ingin membantu.

Di majlis yang berlangsung di Bilik Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali antara lain berkata, apa yang perlu diambil perhatian ialah untuk mengawasi kakitangan agar terhindar dari sebarang perkara rasuah. Pegawai dan kakitangan Kerajaan hendaklah berwaspada dari sebarang kegiatan yang boleh mengakibatkan perkara rasuah.

Seminar sehari itu telah dihadiri oleh seramai 128 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Perjawatan. Ianya mengandungi ceramah mengenai tata-tertib, perinsip Islam dalam pentadbiran awam, organisasi dan fungsi Jabatan Perjawatan, etika kerja dan dorongan.

## Semangat patriotik mesti ditanam di sanubari

Dari muka 1

yang mahukan umatnya menjadi umat patriotik, pada mempertahankan kemuliaan ugamanya, kewarasan akalnya, keselamatan dan kesejahteraan jiwa raganya, kemurnian atau kesucian keturunan serta ketinggian maruahnya, menurut sebagaimana yang dikehendaki oleh hukum Allah.

"Patriotism yang dikehendaki oleh Allah sedemikian itu tidaklah sempit. Ia mempunyai ruang-ruang yang luas dan cukup bagi merangkumi berbagai-bagai kepentingan dan hajat manusia yang menjadi khalifah di bumi," ujarnya lagi.

Dengan yang demikian itu juga, jelasnya, patriotism Islam itu memanglah menolak faham taasub atau fanatik kebangsaan yang sempit, yang terhad dalam cara dan matlamatnya.

Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin berkata, sejarah kita dalam konteks negara dan bangsa kita, bukan sahaja mencatat babak-babak yang patriotik, bahkan juga memperkenalkan patriotism yang dikehendaki oleh Allah, seperti buktinya Perang Kastila dan lebih penting lagi disebutkan ialah kerajaan secara pemerintahan Melayu, di mana Raja-raja Melayu Islam berhasil mempertahankan dirinya sekalipun berubah dari sebuah empayar yang besar tinggal cuma menjadi sebuah kerajaan yang terlingkung dalam batas wilayah yang kecil.

Namun diyakini, bahawa apa yang tinggal itu ialah hasil dan berkat semangat dan keinsafan bagi menolak bukan sahaja penaklukan wilayah oleh kuasa asing bahkan percubaan menakluk dan menukarkan akidah yang turun-temurun iaitu Islam.

Unsur seumpama ini, tegasnya, adalah sangat penting, dan kepentingannya lebih-lebih lagi dirasakan pada saat menjelang pencapaian semula kemerdekaan, di mana berbagai tanggapan, andaian dan jangkaan terdapat di kalangan sebilangan rakyat dan penduduk negara.

Bagaimanapun, Yang Dimuliakan Pehin menjelaskan, berkat hemat yang tinggi dalam kepimpinan negara dan kerajaan, kita telah melangkah ke arah era kemerdekaan dengan berhati-hati sehingga membolehkan kita mengenal pasti diri kita yang sebenar sebagai satu bangsa, satu umat yang mempunyai teras.

Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin, yang berucap selaku tetamu kehormat di majlis malam itu juga telah menyempurnakan penyampaian cenderamata dan hadiah penghargaan kepada pencipta-pencipta senikata dan irama, dan pasukan-pasukan penyanyi lagu-lagu patriotik dan nasyid sempena Hari Kemerdekaan.

Turut menghadiri majlis malam itu ialah pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan ketua-ketua jabatan.

## RALAT

TULISAN Yang Dimuliakan Pehin Seri Maharaja siri ke-253 keluaran minggu lepas terdapat kesilapan pada ruang pertama para kedua, iaitu sebelum perkataan 'petrol' hendaklah ditambah perkataan "Lautan".

Dalam siri yang sama juga ruang kelima dalam para keempat baris ketujuh selepas perkataan 'tiadalah' hendaklah ditambah dengan "dikeluarkan dan tiada disediakan melainkan oleh orang-orang kafir itu."
— Penyunting.

## Patriotik Islam

Dari muka 2

akan teras tonggak kedaulatan negara ini iaitulah Islam dan Kerajaannya yang beraja yang mensyiarkan Islam dalam kedaulatannya. Dalam hubungan itu kita mempunyai peranan seterusnya untuk dimainkan. Dan sebahagian peranan itu telah dimainkan oleh tenaga-tenaga yang menyumbangkan khidmat baktinya dalam menghasilkan lagu-lagu patriotik/nasyid sempena Sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Kebangsaan. Kerana itu tepatlah khidmat bakti sekaliannya itu diristakan dengan ristaan yang baik pada masa ini di majlis ini, dan pada masa yang akan datang di lidah serta di hati orang-orang yang terkemudian daripada kita.

## Buku Jadual Air Pasang Surut sedang dijual

BANDAR SERI BEGAWAN. — Buku Jadual Air Pasang Dan Surut bagi perairan-perairan Malaysia, Singapura dan Negara Brunei Darussalam bagi tahun 1985 sekarang dijual dengan harga $7.00 senaskah.

Buku jadual tersebut boleh dibeli dari Jabatan Laut, Bangunan Kastam Diraja, Jalan MacArthur Bandar Seri Begawan atau di Jabatan Laut, Bangunan Kastam Diraja, Jalan Sungai, Kuala Belait.

Pembeli-pembeli adalah dinasihatkan bahawa ramalan tinggi air pasang pada tiap-tiap jam di Tambatan Muara, Brunei bagi tahun 1985 dicetak di dalam buku Jadual Air Pasang itu di muka 18 hingga 23.

## MAKLUMAN

UNTUK makluman orang ramai terutama penduduk Kampong Kupang dan sekitarnya bahawa perkhidmatan Perpustakaan Bergerak Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei telah pun diadakan bertempat di kawasan Kampong Kupang berhadapan dengan Sekolah Melayu Kupang pada hari Rabu, dua minggu sekali. Keterangan lanjut mengenai jadual lawatan perkhidmatan Perpustakaan Bergerak boleh dirujuk di muka lain akhbar ini.

## Peperiksaan School of Music

PERSEDIAAN-persediaan sekarang sedang dibuat bagi mengadakan Peperiksaan The Royal School of Music (peperiksaan theori) di Negara Brunei Darussalam dalam bulan Mac 1985.

Borang-borang permohonan boleh diperolehi dari Lembaga Peperiksaan, Kompleks Lapangan Terbang Lama, Berakas, Brunei mulai dari 1 Disember, 1984. Bayaran-bayaran peperiksaan hendaklah dibayar melalui cek atau bankdraft (matawang Sterling) dan hendaklah dibayar terus kepada The Royal School of Music, London dan bukan kepada Lembaga Peperiksaan, Brunei.

Borang-borang permohonan yang dihantar lewat dari 31 Disember, 1984 tidak akan dilayan.

## Pegawai polis berkursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Enam orang Pegawai Polis Pangkat Rendah kini berada di Kuala Lumpur bagi menghadiri satu kursus soal siasat selama dua minggu.

Pegawai-pegawai itu ialah Sgt Haji Mohd. Roger bin Abdullah, Sgt Malai Hashim bin Syed Mohd. Mamdin, Sgt Pengiran Damit bin Pengiran Osman, Sgt Pengiran Yassin bin Pengiran Haji Said, Cpl Ak. Metassan bin Pengiran Tuah dan Cpl Ramba bin Inin.

Mereka mengikuti kursus tersebut di Jabatan Polis Diraja Malaysia sehingga 15 Disember depan.

Dari muka 5

Aku tidak sedar dan terus mengambil mereka sehingga terputus percakapanku."

Bukan saja sifat sayangkan anak cucu ini hanya ada pada manusia biasa seperti kita, tetapi pada para Nabi dan Rasul pun begitu.

Sifat sayang dan kasihan kepada anak-anak ini kadang-kadang melalaikan kita daripada tanggungjawab terhadap Allah Taala. Kadang-kadang kerana asyik bermain-main dengan anak-anak hingga lupakan sembahyang, lupakan tanggungjawab yang lain, ini juga membawa fitnah kepada kita, tetapi kalau kita cuai dalam penjagaan anak-anak tadi dan tidak ada masa untuk mendidik anak-anak juga boleh menimbulkan fitnah, sehingga mereka merasa asing dengan ibu bapanya. Kadang-kadang anak-anak itu lebih mengasihi orang lain daripada ibu bapanya. Jadi di dalam penjagaan anak-anak ini harus berhati-hati, seperti menatang minyak yang penuh, jangan sampai tumpah, kehendak dunia dan akhirat itu sama-sama dipupuk pada anak-anak supaya terhindar daripada fitnah yang timbul daripada anak-anak tadi.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.